



## **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**

**BILANGAN 16 TAHUN 2024**

---

### **GARIS PANDUAN PENAWARAN KURSUS ELEKTIF UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

---

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
10 September 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pendaftar

Pegawai-Pegawai Kanan

# **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**10 September 2024**

## **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 16 TAHUN 2024**

### **GARIS PANDUAN PENAWARAN KURSUS ELEKTIF UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-237 Bilangan 9/2024 yang bersidang pada 10 September 2024 telah meluluskan **Garis Panduan Penawaran Kursus Elektif Universiti Pendidikan Sultan Idris.**

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Penawaran Kursus Elektif kepada pelajar di peringkat pengajian prasiswazah dan pascasiswazah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam daripada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) serta Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency, MQA*).

#### **3.0 JUSTIFIKASI**

- 3.1 Garis Panduan ini dapat memberikan butiran penerangan tentang Kursus Elektif yang ditawarkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- 3.2 Garis Panduan ini terpakai untuk program akademik yang dijalankan oleh Fakulti/PTj di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah UPSI tertakluk kepada Standard Program Umum dan Bidang yang dikeluarkan oleh MQA serta badan profesional.

**3.3** Garis panduan ini akan memberi fokus kepada tiga (3) perkara utama iaitu:

- i. Konsep Kursus Elektif;
- ii. Kriteria Penawaran Kursus Elektif Program; dan
- iii. Kriteria Penawaran Kursus Elektif Terbuka

#### **4.0 KEPUTUSAN SENAT**

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan **Garis Panduan Penawaran Kursus Elektif Universiti Pendidikan Sultan Idris** seperti di Lampiran A.

#### **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 10 September 2024.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**

  
**(SUHAILA SIDEK)**  
Ketua Timbalan Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Tarikh: 10 September 2024

# LAMPIRAN A



## **GARIS PANDUAN PENAWARAN KURSUS ELEKTIF UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

### **1. PENDAHULUAN**

Penawaran Kursus Elektif kepada pelajar di peringkat pengajian prasiswazah dan pascasiswazah seperti berikut

- Diploma;
- Sarjana Muda;
- Sarjana (Mod Penawaran secara Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran); dan
- Kedoktoran Pendidikan (Mod Penawaran secara Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran).

dilaksanakan bagi memenuhi keperluan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam daripada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) serta Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency, MQA*).

### **2. TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan memberikan butiran penerangan tentang Kursus Elektif yang ditawarkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Garis Panduan ini juga menjelaskan tindakan yang perlu diambil oleh pemilik program (*program owner*) di Fakulti/Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi proses penawaran Kursus Elektif berkenaan di UPSI.

Garis Panduan ini sejajar dengan Garis Panduan Program Pembangunan AKademik Universiti Awam Edisi Kedua (2018), Standard Program Pendidikan Edisi Kedua (2016) serta Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) Diploma dan Sarjana Muda 2008 (Pindaan 2023).

### **3. SKOP**

Garis Panduan ini terpakai untuk program akademik yang dijalankan oleh Fakulti/PTj di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah UPSI tertakluk kepada Standard Program Umum dan Bidang yang dikeluarkan oleh MQA serta badan profesional.

### **4. KONSEP KURSUS ELEKTIF**

4.1 Kursus Elektif terdiri daripada dua (2) kategori:

- 4.1.1 **Kursus Elektif Program:** iaitu merupakan kursus pilihan pelajar mengikut struktur kurikulum yang ditetapkan oleh program akademik masing-masing;
- 4.1.2 **Kursus Elektif Terbuka:** iaitu merupakan kursus pilihan pelajar yang ditawarkan selain daripada program akademik masing-masing (merentas program akademik di dalam dan/atau luar Fakulti/PTj).

### **5. KRITERIA PENAWARAN KURSUS ELEKTIF PROGRAM**

5.1 Kriteria penawaran adalah sebagaimana berikut:

- Penetapan kursus ditetapkan dalam struktur kurikulum program akademik masing-masing mengikut Standard Program Bidang MQA dan/atau Badan Profesional.

### **6. KRITERIA PENAWARAN KURSUS ELEKTIF TERBUKA**

6.1 Kriteria penawaran adalah sebagaimana berikut:

- Kursus yang ditawarkan merentas program akademik dan/atau Fakulti/PTJ **KECUALI** sebagaimana butiran berikut:
  - a) Kursus Universiti,
  - b) Kursus Kokurikulum,
  - c) Kursus Profesional Pendidikan,
  - d) Kursus Amalan Latihan Profesional,
  - e) Kursus Major/Teras/Pengkhususan yang melibatkan pra-syarat tertentu, dan
  - f) Kursus Minor yang melibatkan pra-syarat tertentu.

- 6.2 Kuota penawaran kursus elektif terbuka kepada pelajar program akademik dalam dan/atau luar Fakulti/PTj adalah mengikut ketetapan pemilik program (*program owner*).
- 6.3 Setiap program akademik **WAJIB** menawarkan sekurang-kurangnya **SATU** (1) kursus elektif terbuka.
- 6.4 Fakulti boleh menawarkan mana-mana kursus yang bukan terdiri daripada struktur kurikulum suatu program akademik sebagai kursus elektif terbuka.

## 7. KESIMPULAN

Dengan mengikuti panduan ini, penawaran kursus elektif di UPSI dapat dilaksanakan dengan lebih teratur.

### JAWATANKUASA **GARIS PANDUAN PENAWARAN KURSUS ELEKTIF** **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Prof. Madya Dr. Normah binti Jusoh  
Dr. Amelia binti Mohd Noor  
Prof. Madya Dr. Annie A/P Gorgey  
Dr. Nur Hamiza binti Adenan  
Pn. Norhasrina binti Mohd Idris  
Pn. Hjh. Suhaila binti Sidek  
Pn. Sabariah binti Thambi  
Pn. Amilia binti Abdul Halil  
Pn. Nurshashina binti Ali Sabri